

05/11/2000

Ada agenda di sebalik tindakan Senator AS

Azhar Abu Samah

SEBAGAI negara kecil yang dikategorikan dalam kelompok negara sedang membangun, tumpuan kepada soal dalamannya oleh sebuah negara besar seperti Amerika Syarikat, memperlihatkan Malaysia sebenarnya `gagah' di persada antarabangsa.

Bukan sekali isu membabitkan keputusan yang dibuat di Malaysia dibawa kepada Dewan Perwakilan Amerika, malah ia adalah yang kedua selepas beberapa anggota Kongres negara itu cuba mengheret kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang didakwa berbaur anti-Semitik pada 1997.

Ketika itu, Dr Mahathir mengaitkan komplot antarabangsa mahu merosakkan ekonomi Malaysia, termasuk menjatuhkan nilai ringgit.

Selepas hampir tiga tahun berlalu, sekali lagi sekumpulan tujuh penggubal undang-undang Amerika mahu mengemukakan resolusi kepada Dewan Perwakilannya meminta kerajaan Malaysia mengadakan perbincangan baru bagi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, atau menggugurkan semua tuduhan terhadap beliau.

Resolusi itu dikemukakan ahli Dewan Perwakilan, Chris Smith dari New Jersey, Ileana Ros-Lehtinen dan Robert Wexler (Florida), Tom Lantos, Dana Rohrabacher dan Ed Royce (California) dan Neil Abercrombie (Hawaii) pada 27 Oktober lalu.

Harus diingat, Wexler adalah pemimpin sama yang mahu mengheret Dr Mahathir kepada Dewan Perwakilan pada 1997.

Di samping itu, ketujuh-tujuhnya turut terbabit dalam mengemukakan resolusi kepada Kongres pada 1998 yang menuntut Dr Mahathir meletakkan jawatan.

Persoalan terbaru yang perlu dijawab ialah kenapa isu membabitkan perbincangan Anwar terus mahu dipolemik dan diheret untuk terus berlarutan sedangkan masyarakat dunia sudah diberi peluang untuk meneliti dan menghadiri perbincangan Anwar, termasuk wakil Amnesty International, peguam asing, media asing dan pelbagai pertubuhan yang kononnya memperjuangkan keadilan sejagat.

Secara mudah, kita boleh menyimpulkan penyokong Anwar mahu beliau tidak dilupakan walaupun merengkok dalam penjara dan dengan itu melancarkan `Kempen Bebaskan Anwar' atau bagi pemahaman mereka yang bersimpati dengannya di luar negara sebagai Free Anwar Campaign (FAC) yang didukung Dr Abdul Rahim Ghouse dan Raja Petra Kamaruddin.

Bagaimanapun, selepas memberi pelbagai ruang kepada pihak luar mengikuti perbincangan Anwar - kes mahkamah paling panjang dibicarakan setakat ini - masih ada pihak, khususnya dari luar negara, terus mempertikaikan prosedur perbincangan itu. Adalah jelas mereka diberikan gambaran salah oleh satu pihak yang berkepentingan.

Pembabitan ahli Dewan Perwakilan itu memberikan gambaran mereka tidak langsung memahami keadaan sebenar atau sememangnya tidak mahu memahaminya kerana mereka mempunyai agenda tersembunyi yang lebih besar.

Seiring dengan itu, khidmat kumpulan pelobi yang berpangkalan di Washington, Janus Merritt Strategies (JMS), diupah oleh penyokong Anwar bagi mengenakan tekanan terhadap pentadbiran Dr Mahathir.

Kajian dan penyelidikan yang dibuat secara rambang mengenai kumpulan pelobi itu mendapati ia tidak tersenarai dalam kelompok yang sudah memiliki nama, malah tiada laporan mengenainya sebelum ini, kecuali baru-baru ini dipetik oleh akhbar Straits Times Singapura.

Individu utama di sebalik tabir JMS termasuk Mark J Robertson dan Scott Hoffman, kedua-duanya pengarah bersama JMS yang dikatakan bekerja untuk beberapa pertubuhan serta negara membangun.

Omar Nashashibi, seorang rakyat Palestin yang juga seorang penyelidik bersama JMS, turut aktif menganjurkan protes terhadap Dr Mahathir di Chicago, 3 September lalu, serta di hadapan Kedutaan Malaysia di Washington DC yang dihadiri 20 orang, 20 September lalu.

Difahamkan, kontrak bernilai AS\$200,000 (RM760,000) yang ditandatangani oleh penyokong Anwar dengan JMS pada 24 Ogos lalu menuntut firma itu antara lain melakukan langkah berikut:

- * Melaksanakan program untuk mengenakan tekanan politik dan ekonomi terhadap kerajaan Malaysia yang bermatlamat membebaskan Anwar;
- * Melaksanakan rentetan langkah meminggirkan kerajaan Malaysia;
- * Mengapikan kemarahan antarabangsa terhadap Malaysia;
- * Memperkenalkan undang-undang sekatan dalam Kongres Amerika;
- * Mengusahakan penggantungan bantuan ketenteraan kepada Malaysia;
- * Mengusahakan pemulauan barangan Malaysia;
- * Menggerakkan pertubuhan peringkat akar umbi dan lain-lain pertubuhan di Amerika untuk menerapkan kesedaran terhadap kes Anwar dengan menganjurkan perbincangan di pelbagai peringkat dan
- * Bekerjasama dengan pemimpin Islam di Amerika.

Setakat ini, JMS, selain mempelopori resolusi kepada Kongres Amerika, sudah mengadakan pertemuan makan tengah hari dengan 11 kakitangan Muslim yang bekerja untuk anggota Kongres di Washington DC Ketika itulah, dokumen pro-Anwar turut diedarkan kepada mereka.

Langkah mengejutkan oleh Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) yang menarik balik undangan kepada Dr Mahathir untuk berucap di konvensyen persatuan itu di Illinois, 1 September lalu, juga didalangi oleh JMS.

Langkah lain yang dilakukan oleh JMS, termasuk:

* Mengedarkan kira-kira 200 risalah pro-Anwar di meja yang dikhususkan untuk sektor swasta dari delegasi Malaysia dalam Seminar Perdagangan Malaysia di New York, 25 September lalu;

* Cuba mempengaruhi calon Presiden Amerika, George W Bush;

* Menganjurkan satu demonstrasi di Jakarta pada 22 September lalu yang dikatakan disertai pelbagai wakil pertubuhan dan badan bukan kerajaan (NGO) dan

* Mempelopori satu dokumentari video kononnya mengenai sistem kehakiman Malaysia yang korup oleh krew filem Australia.

Namun, kita perlu mengakui hakikat ia mungkin kurang berkesan kerana isu Anwar sudah basi dan ia lebih kepada memperjuangkan soal peribadi seseorang.

Bagi menjayakan agenda peribadi inilah, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menggunakan semua ruang yang termampu dan kita tidak boleh menolak kemungkinan lain, termasuk agensi seperti Heritage Foundation, pertubuhan penyelidikan dasar awam yang berpangkalan di Washington, akan turut campur dalam kempen melobi ini.

Kebetulan, Institut Kajian Dasar (IKD) yang dipelopori Anwar pernah menandatangani memorandum kerjasama dengan Heritage Foundation di Kuala Lumpur pada Jun 1997 ketika beliau memangku jawatan Perdana Menteri.

Datuk Kamaruddin Jaafar yang ketika ini menjadi Pengerusi IKD pernah berkata, IKD menjalin hubungan dengan yayasan itu sejak 1995 sejajar dengan objektifnya untuk mewujudkan hubungan dengan badan penyelidikan dan perunding dasar awam di Amerika.

Ini kerana Heritage Foundation sering bekerjasama dengan anggota Kongres, Rumah Putih, Jabatan Negara dan Jabatan Pertahanan Amerika (Pentagon). Tindakan tujuh ahli Kongres mengemukakan resolusi kepada Dewan Perwakilan meminta kerajaan Malaysia mengadakan perbincangan baru bagi

Anwar, dilihat adalah tindakan bersepadu yang terancang.

Beberapa individu lain turut terbabit, termasuk Dr Jamal Barazinghi, Pengarah Institut Antarabangsa Mengenai Pemikiran Islam (IIT), yang mempunyai hubungan dengan Anwar.

Yayasan Sulaiman Abdul Aziz Rajai (SAAR) berpangkalan di Arab Saudi yang membiayai aktiviti JMS dan IIT, juga memainkan peranannya.

Rakyat Malaysia juga sudah melihat perlakuan biadab Naib Presiden Amerika, Al Gore, ketika majlis makan malam Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur pada 1997 yang secara terang-terangan menyokong tindakan kumpulan reformasi.

Berdasarkan perkembangan semasa di Amerika yang pemimpinnya kini sibuk berkempen untuk pemilihan Presiden pada Selasa ini, isu Anwar dijangka tidak membawa makna kerana ia soal kecil berbanding siapa yang akan menduduki kerusi utama di Rumah Putih.

Lagipun, ketika ini ramai ahli Kongres akan cuba meningkatkan populariti masing-masing bagi memastikan mereka diberikan tanggungjawab lebih besar apabila kerajaan baru dibentuk.

Sambil JMS mungkin menjadi ancaman, ia juga didapati sudah gagal dalam banyak perkara kerana kedangkala pengetahuannya terhadap Malaysia dan persekitaran tempatan. Jelaslah, JMS hanya bergantung kepada input daripada pendukung 'Kempen Bebaskan Anwar' yang beberapa kali menyebabkan ia ditempelak.

JMS juga gagal menghalang American Finance House (Lariba) daripada menyampaikan anugerah kepada Dr Mahathir awal September lalu atas kejayaannya membangunkan institusi kewangan Islam serta mengatasi krisis kewangan tanpa perlu menagih ihsan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Dr Mahathir turut gagal dihalang daripada menyampaikan ucapan dalam satu persidangan anjuran Persatuan Malaysia di Universiti Cambridge (CUMAS) pada 7 Oktober lalu. Malah, CUMAS turut menempelak FAC dengan menafikan segala dakwaan dalam laman web gerakan itu.

Sebagaimana kegagalan JMS untuk mendapatkan sokongan antarabangsa agar meminggirkan Malaysia - ini jelas berdasarkan siri kunjungan pemimpin dunia ke Malaysia - begitu jugalah resolusi tujuh anggota Kongres Amerika yang dijangka tidak diluluskan.

(END)